



MANUAL PENGGUNA

PERKHIDMATAN ENJIN CARIAN RASMI KERAJAAN (1AKSES)



Bahagian Pembangunan Aplikasi
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan
Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri

Tarikh: 11 Mei 2015

Kandungan	
I. PENGENALAN	1
1. Latar Belakang	1
2. Objektif 1AKSES	1
3. Apa itu 1AKSES?	2
4. Aliran Proses 1AKSES	3
II. KEMUDAHAN PERKHIDMATAN 1AKSES	3
III. LANGKAH-LANGKAH PENYEDIAAN PERKHIDMATAN 1AKSES DI LAMAN WEB/PORTAL AGENSI	4
IV. TATACARA LOGIN SEBAGAI PENTADBIR 1AKSES	7
V. MAKLUMAT LANJUT	8
LAMPIRAN A WEB <i>WIDGET</i> 1AKSES DI LAMAN WEB/PORTAL	
LAMPIRAN B BORANG PERMOHONAN INSTALASI WEB <i>WIDGET</i> 1AKSES DI LAMAN WEB/PORTAL	
LAMPIRAN C BORANG PERSETUJUAN PEMASANGAN WEB <i>WIDGET</i> 1AKSES DI LAMAN WEB/PORTAL	
LAMPIRAN D BORANG PEMAKLUMAN PERTUKARAN PENTADBIR 1AKSES AGENSI	
RAJAH 1 ALIRAN PROSES 1AKSES	
RAJAH 2 LANGKAH-LANGKAH PENYEDIAAN PERKHIDMATAN 1AKSES DI LAMAN WEB/PORTAL AGENSI	

I. PENGENALAN

1. Latar Belakang

- (a) 1AKSES adalah sebuah portal carian rasmi Kerajaan yang khusus, *Search Engine* Malaysia - 1GovSearch yang memberikan hasil carian yang cepat, tepat dan relevan serta standard di setiap laman web/portal Kementerian dan Agensi Kerajaan.
- (b) Mesyuarat Panel CIO Sektor Awam pada 10 April 2013 bersetuju dengan Pembangunan Mekanisme Carian Rasmi Kandungan Digital Kerajaan (1GovSearch).
- (c) Mesyuarat CCI NKEA EPP6 E-Government yang dipengerusikan oleh Pengerusi MCMC (SKMM) telah meluluskan projek 1GovSearch pada 19 April 2013.
- (d) Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) Bil. 1/2013 pada 12 Julai 2013 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Mohd Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam memutuskan bahawa Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri menerajui pembangunan mekanisme carian rasmi kandungan digital Kerajaan Malaysia khusus (*search engine* Malaysia) yang lebih efisien, sistematik dan seragam serta **penglibatan dan kerjasama agensi semasa pelaksanaan enjin carian rasmi Kerajaan**.
- (e) Semua agensi adalah **DIGALAKKAN** untuk menggunakan perkhidmatan 1AKSES yang telah siap dibangunkan.

2. Objektif 1AKSES

- (a) Objektif perkhidmatan 1AKSES yang disediakan adalah seperti berikut:
 - (i) Mewujudkan mekanisme carian maklumat rasmi kerajaan melalui sistem yang lebih efisien, sistematik dan seragam;


- (ii) Mewujudkan satu pusat carian tunggal dalam mengakses maklumat rasmi kerajaan bagi setiap Kementerian dan agensi Kerajaan dan juga kepada pelanggan;
- (iii) Menyediakan kemudahan carian maklumat rasmi kerajaan melalui aplikasi mobile; dan
- (iv) Menyediakan *Dashboard* dan *Executive Information System* (EIS) untuk pemantauan, laporan pengurusan dan analisis statistik yang fleksibel serta praktikal bagi setiap hasil carian.

3. Apa itu 1AKSES?

- (a) 1AKSES menyediakan sistem yang seragam dan juga saluran tunggal carian terhadap maklumat Kerajaan. Ia juga dapat meningkatkan kualiti capaian awam terhadap maklumat dan kandungan yang berkaitan dengan Kerajaan menerusi sumber yang sahih dan tepat serta pengaksesan di mana-mana sahaja.
- (b) 1AKSES merupakan sistem yang membolehkan pengguna membuat carian maklumat Kerajaan melalui *widget* di laman web/portal agensi Kerajaan dan aplikasi mobile. Portal 1AKSES juga disediakan untuk Pentadbir 1AKSES Agensi dan MAMPU bagi kemudahan penyediaan laporan hasil carian atau *search trend* agensi melalui *Dashboard* dan *Executive Information System* (EIS).
- (c) Carian 1AKSES mempunyai dua peringkat hasil carian iaitu:
 - (i) Carian *Local* - carian terhadap maklumat yang terdapat di laman web/portal agensi sahaja; dan
 - (ii) Carian *Global* - carian terbuka kepada maklumat yang terdapat di laman web/portal Sektor Awam di peringkat keseluruhan agensi Kerajaan.

4. Aliran Proses 1AKSES

- (a) Portal Perkhidmatan 1AKSES yang sediakan perlu melalui Portal Rasmi Kerajaan Malaysia (myGovernment) untuk penjanaan *snippet code iframe* dan menjana laporan laporan berkenaan carian maklumat Kerajaan di laman web/portal agensi. Aliran proses perkhidmatan 1AKSES yang disediakan adalah seperti berikut:



Rajah 1: Aliran Proses 1AKSES

II. KEMUDAHAN PERKHIDMATAN 1AKSES

5. Kemudahan yang disediakan oleh perkhidmatan 1AKSES adalah seperti berikut:

(a) Portal 1AKSES

- (i) Portal 1AKSES adalah platform enjin carian maklumat Kerajaan yang digunakan oleh Pentadbir 1AKSES MAMPU dan Agensi;
- (ii) Portal 1AKSES menyediakan kemudahan konfigurasi Web *Widget* 1AKSES dan penjanaan laporan kepada Pentadbir 1AKSES MAMPU dan Agensi;

- (iii) Pentadbir 1AKSES MAMPU dan Agensi membuat capaian ke Portal 1AKSES melalui Portal Rasmi Kerajaan Malaysia (myGovernment); dan
- (iv) Portal 1AKSES juga menyediakan manual bagi tujuan konfigurasi *snippet code iframe* dan pemasangan *Web Widget* 1AKSES.

(b) **Kemudahan Web *Widget* 1AKSES**

Web *Widget* 1AKSES disediakan untuk agensi sebagai antara muka bagi perkhidmatan 1AKSES di laman web/portal agensi. Contoh Web *Widget* 1AKSES yang telah dipasang di laman web/portal agensi adalah seperti di **Lampiran A**.

(c) **Kemudahan Aplikasi Mobile 1AKSES**

Aplikasi mobile 1AKSES dibangunkan untuk pengguna peranti mobile/mudah alih dan boleh dimuat turun melalui platform aplikasi mobile seperti iOS App Store, Google Play Store dan Windows Store.

(d) **Kemudahan Penjana Laporan**

Portal 1AKSES menyediakan kemudahan penjana laporan berkenaan carian maklumat Kerajaan di laman web/portal agensi.

III. LANGKAH-LANGKAH PENYEDIAAN PERKHIDMATAN 1AKSES DI LAMAN WEB/PORTAL AGENSI

6. Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh agensi Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan 1AKSES pada laman web/portal agensi adalah seperti berikut:

(a) **Permohonan Perkhidmatan 1AKSES**

Setiap agensi yang bercadang menggunakan perkhidmatan 1AKSES perlu mengisi **Borang Permohonan Instalasi Web *Widget* 1AKSES Di Laman Web/Portal** seperti di **Lampiran B** dan dikemukakan kepada MAMPU. Agensi perlu mengenal pasti laman web/portal yang akan menggunakan

Web *Widget* 1AKSES. Antara maklumat yang perlu disediakan adalah:

- (i) *Bandwidth* yang diperuntukkan untuk *server* laman web/portal; dan
- (ii) Kekerapan kandungan laman web/portal dikemaskini.

(b) **Pendaftaran Akaun Pentadbir 1AKSES Agensi**

Pentadbir 1AKSES Agensi didaftar dan diberikan peranan sebagai pengguna 1AKSES melalui Portal Rasmi Kerajaan Malaysia (myGovernment). Emel rasmi Pentadbir 1AKSES Agensi digunakan sebagai ID pengguna. Pautan kepada Portal 1AKSES boleh dicapai melalui myPage <https://www.malaysia.gov.my> setelah pendaftaran Pentadbir 1AKSES Agensi berjaya.

(c) **Pemasangan dan Pengujian Web *Widget* 1AKSES**

- (i) Pentadbir 1AKSES Agensi disediakan dengan kemudahan konfigurasi dan penjanaan *snippet code iframe Web Widget* 1AKSES melalui Portal 1AKSES. Contoh *snippet code iframe* web widget adalah seperti berikut:

```
<iframe src =  
"http://1akses.malaysia.gov.my:8082/OneGovSearchA  
pps/widgetLoc/search.html?101001001001" width =  
"350" height = "50" frameborder="0"></iframe>
```

- (ii) Pemasangan *Web Widget* 1AKSES yang berjaya dilaksanakan akan memaparkan logo 1AKSES bersama *text box* di laman web/portal agensi. Agensi perlu melaksanakan pengujian dengan melakukan beberapa carian maklumat melalui web *widget* 1AKSES di laman web/portal agensi.
- (iii) Carian 1AKSES merujuk kepada hasil capaian maklumat yang terdapat di laman web/portal agensi.



Rajah 2: Langkah-Langkah Penyediaan Perkhidmatan 1AKSES Di Laman Web/Portal Agensi

(d) **Persetujuan Pemasangan *Widget* 1AKSES di Laman Web/Portal**

Agensi perlu memaklumkan kepada Pentadbir 1AKSES MAMPU dengan melengkapkan borang seperti di **Lampiran C: Borang Persetujuan Pemasangan *Widget* 1AKSES di Laman Web/Portal** setelah pemasangan *Web Widget* 1AKSES di laman web/portal agensi dilaksanakan.

(e) **Pemakluman Pertukaran Pentadbir 1AKSES Agensi**

Agensi juga perlu memaklumkan kepada Pentadbir 1AKSES MAMPU dengan melengkapkan borang seperti di **Lampiran D: Borang Pemakluman Pertukaran Pentadbir 1AKSES Agensi** sekiranya berlaku pertukaran Pentadbir 1AKSES Agensi.

IV. TATACARA LOGIN SEBAGAI PENTADBIR 1AKSES

7. Sila layari Portal Rasmi Kerajaan Malaysia (myGovernment) di www.malaysia.gov.my yang merupakan gerbang utama untuk mengakses perkhidmatan 1AKSES. Sila rujuk panduan pengguna Portal myGovernment untuk tatacara mendaftar sebagai pengguna. Pengguna perlu melalui proses pendaftaran pengguna, pengaktifan akaun dan pengesahan MyKad sebelum login sebagai pengguna Portal myGovernment.
8. Tatacara Login sebagai Pentadbir 1AKSES adalah seperti berikut:
 - (a) Log masuk ke Portal myGovernment dengan klik pada butang '**Log Masuk Utama/Login**' seperti skrin di bawah dan masukkan emel rasmi serta kata laluan untuk mengakses portal myGovernment. Kemudian klik butang '**Login**'.

Log Masuk Utama Laman Utama ► Log Masuk Utama

Pemberitahuan
 Mulai dari 4 November 2013, semua pengguna portal myGovernment dikehendaki menetapkan semula kata laluan. Sila klik ikon **Lupa Kata Laluan** untuk berbuat demikian.

Alamat Emel


Kata Laluan

Login
www.malaysia.gov.my

Login

[Daftar](#) [Lupa Kata Laluan](#)

- (b) Setelah log masuk ke Portal myGovernment dari '**Laman Saya/MyPage**', sila skrol ke bawah sehingga ikon 1AKSES dijumpai di sebelah kiri. Klik ikon 1AKSES seperti skrin di bawah.



V. MAKLUMAT LANJUT

9. Sebarang pertanyaan atau maklum balas mengenai perkhidmatan 1AKSES boleh dikemukakan secara emel atau surat rasmi kepada:

Ketua Pengarah
 Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
 (MAMPU)
 Jabatan Perdana Menteri
 Bangunan MKN-Embassy Techzone
 Aras 4, Blok B, No. 3200
 Jalan Teknokrat 2
 63000 Cyberjaya, Sepang
 Selangor Darul Ehsan
(u.p.: Pentadbir 1AKSES MAMPU)

No. Telefon : 03-8000 8000
No. Faks : 03-8318 2162
Emel : 1AKSES@mampu.gov.my
Portal : www.mampu.gov.my

Lampiran A

WEB WIDGET 1AKSES DI LAMAN WEB/PORTAL



Rajah 3: Contoh Kedudukan Web *Widget* Pada Laman Web/Portal

Lampiran B

BORANG PERMOHONAN INSTALASI WEB WIDGET 1AKSES
DI LAMAN WEB/PORTAL

(Arahan: Sila tandakan \checkmark pada ruangan yang berkaitan)

BAHAGIAN A: MAKLUMAT AGENSI

Nama	
Alamat	
No. Tel.	
No. Faks	

BAHAGIAN B: KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR**1. Maklumat Laman Web/Portal**

Nama	
URL	
Pautan Media Sosial	

2. Maklumat *Server* dan Rangkaian Laman Web/Portal**2.1. Di manakah lokasi *server* laman web/portal diletakkan?**

Premis Agensi Hos di *Cloud*

Sila nyatakan jika Hos di *Cloud*:

--

2.2. Apakah sistem pengoperasian *server* laman web/portal?

Windows Linux

Unix

Sila nyatakan jika tiada dalam senarai di atas:

Jenis/Versi:

2.3. Adakah laman web/portal diletakkan di dalam rangkaian 1GovNet?

Ya

Tidak

Sila nyatakan jika tidak dalam rangkaian 1GovNet:

2.4. Berapakah *bandwidth* yang diperuntukan untuk *server* laman web/portal tersebut?

100 Mbps

1 Gbps

5 Gbps

10 Gbps

>10 Gbps

3. Maklumat Platform/Kerangka Kerja dan Perisian Laman Web/Portal

3.1. Apakah platform atau kerangka kerja untuk portal yang dibangunkan?

Kerangka Aplikasi
Web/*Application Web*
Mainframe

Sistem Pengurusan
Kandungan/*Content*
Management System

Berasaskan
Web/*Web Base*

Lain-lain

Sila nyatakan jika lain-lain:

Jenis/Versi:

3.2. Adakah portal dibangunkan menggunakan perisian Open Source atau Perisian Berlesen?

Open Source Perisian Berlesen

Sila nyatakan tarikh tamat lesen jika perisian berlesen:

3.3. Apakah jenis kandungan yang dimuatkan dalam portal?

Dokumen MS Office PDF

Image Video

Sila nyatakan jika lain dari di atas:

3.4. Apakah kekerapan kandungan laman web/portal dikemaskini?

Harian Mingguan

Bulanan Tahunan

Sila nyatakan bilangan kekerapan:

4. Maklumat Penyelenggaraan Laman Web/Portal

4.1. Adakah agensi anda menyelenggara server laman web/portal sendiri atau oleh pihak ketiga (pembekal)?

Selenggara sendiri Selenggara oleh pihak ketiga (pembekal)

Sila nyatakan syarikat pembekal:

4.2. Adakah selenggaraan laman web/portal agensi masih di bawah perjanjian dengan pembekal?

Ya

Tidak

Jika ya, sila nyatakan tarikh tamat perjanjian selenggaraan:

4.3. Adakah agensi mempunyai rancangan pelaksanaan selenggaraan untuk laman web/portal?

Ya

Tidak

Jika ya, sila nyatakan hari dan masa:

BAHAGIAN C: MAKLUMAT KETUA PEGAWAI MAKLUMAT (CIO), PENGURUS ICT DAN PEGAWAI TEKNIKAL (UNTUK PROJEK ENJIN CARIAN KERAJAAN 1AKSES)

1. Maklumat Ketua Pegawai Maklumat (CIO)

Nama	
Bahagian	
Jawatan	
No. Tel.	
No. Faks	
Emel	

2. Maklumat Pengurus ICT

Nama	
Bahagian	
Jawatan	
No. Tel.	
No. Faks	
Emel	

3. Maklumat Pegawai Teknikal

3.1 Nama Pentadbir Laman Web/Portal 1 (Pentadbir 1AKSES)

Nama Mengikut MyKad	
No. MyKad	
Jawatan	
Tel. Pejabat	
Tel. Bimbit	
No. Faks	
Emel Rasmi	

3.2 Nama Pentadbir Laman Web/Portal 2 (Pentadbir 1AKSES)

Nama Mengikut MyKad	
No. MyKad	
Jawatan	
Tel. Pejabat	
Tel. Bimbit	
No. Faks	
Emel Rasmi	

.....
Tandatangan

Cop Agensi

Nama Pegawai: _____

Tarikh: _____

Lampiran C**BORANG PERSETUJUAN PEMASANGAN WEB *WIDGET* 1AKSES
DI LAMAN WEB/PORTAL**

Ruj. Kami:

Tarikh:

Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan MKN-Embassy Techzone
Aras 4, Blok B, No. 3200
Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Sepang
Selangor Darul Ehsan
(u.p.: Pentadbir 1AKSES MAMPU)

Emel : 1AKSES@mampu.gov.my

Tel : 03-8000 8000

Faks : 03-8318 2162

Tuan/Puan,

**PERSETUJUAN PEMASANGAN WEB *WIDGET* 1AKSES DI LAMAN
WEB/PORTAL BAGI PROJEK 1AKSES**

Dengan ini, saya bersetuju kerja-kerja pemasangan *widget* dan dijalankan pada ketetapan seperti berikut:

Nama dan URL Laman Web/Portal	
Tarikh	
Masa	

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

.....
(Nama Pegawai)

Cop Agensi

Lampiran D**BORANG PEMAKLUMAN PERTUKARAN PENTADBIR 1AKSES
AGENSI**

Ruj. Kami:

Tarikh:

Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan MKN-Embassy Techzone
Aras 4, Blok B, No. 3200
Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Sepang
Selangor Darul Ehsan
(u.p.: Pentadbir 1AKSES MAMPU)

Emel : 1AKSES@mampu.gov.my

Tel : 03-8000 8000

Faks : 03-8318 2162

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PERTUKARAN PENTADBIR 1AKSES AGENSI

Sukacita dimaklumkan bahawa pegawai di bawah merupakan Pentadbir 1AKSES AGENSI:

Butir-butir Pegawai	
Nama Mengikut MyKad	
No. MyKad	
Jawatan	
Telefon Pejabat	
Telefon Bimbit	
No. Faks	
Emel Rasmi	
Alamat Pejabat	

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

.....
(Nama Pegawai)